UUM/AA88/BH/29.10.2026/P:10(1-3)

UUM Universiti Utara Malaysia
NEWS HIGHLIGHT

☐ The Straits Times ☐ Utusan Malaysia ☐ Kosmo!
☑ BH ☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro

Kategori
☐ Rencana ☐ Komentar ☐ Lain-lain (Nyatakan): Muka Depan
☐ Forum ☐ Minda Pembaca

Tarikh: 29/10/26 Muka surat: 10

RUU Entiti Milik Kerajaan lengkap reformasi tadbir urus negara

- RUU Entiti Milik Kerajaan ini adalah kesinambungan kepada pembaharuan beberapa perundangan terdahulu bukti komitmen kerajaan dalam membina pertanggungjawaban terhadap entiti mengurus aset awam dan dana amanah masyarakat
- Reformasi dilaksanakan bukan sahaja bertujuan menangani kelemahan masa lalu, tetapi turut membina benteng institusi bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa, ketirisan dan penyelewengan pada masa hadapan



Pengarah Asian Research Institute for Corporate Governance (ARICG), Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Noor Afza Amran
bhrencana@bh.com.my

Ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa (PH-Sekijang) di Parlimen, baru-baru ini, yang meminta penjelasan mengenai langkah kerajaan untuk memperketat prosedur kewangan, terutama kelulusan pelaburan berskala besar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan kerajaan sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang (RUU) Entiti Milik Kerajaan.

Ia bertujuan memperketat kawal selia, tatakelola dan pengurusan kewangan badan serta agensi kerajaan dengan sasaran ia dibentangkan serta diluluskan di Dewan Rakyat tahun ini.

Anwar berkata, undang-undang itu penting bagi memastikan badan dan agensi kerajaan, termasuk entiti berkaitan Bumiputera, tertakluk kepada peraturan lebih ketat bagi mengelakkan ketidakaturan mengakibatkan kerugian berbilion ringgit.

Ketika menjawab soalan tambahan Syahredzan Johan (PH-Bangi) berhubung langkah diambil diambil kerajaan bagi menambah baik tadbir urus korporat supaya isu sebagaimana Lembaga Tabung Haji (TH) serta 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak berulang lagi, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan betapa RUU Entiti Milik Kerajaan ini akan menetapkan peraturan lebih ketat bagi memastikan GLC dan GLIC diurus mengikut tatakelola dan berintegriti tanpa sebarang ketirisan.

GLC menjalankan aktiviti korporat dengan pengaruh pemilikan atau kawalan kerajaan, manakala GLIC mengurus pegangan pelaburan strategik, termasuk bagi pihak pencarum dan penyimpan. Gabungan mandat komersial dan kepentingan awam menjadikan tadbir urus entiti tersebut lebih kompleks daripada pengurusan jabatan kerajaan biasa.

Keuntungan penting, namun ia mesti dicapai tanpa mengorbankan integriti, keselamatan dana atau objektif pembangunan negara.

Sejarah menunjukkan mengapa kawalan lebih tersusun diperlukan. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai 1MDB mengenal pasti kelemahan pengurusan, keputusan pelaburan tanpa penelitian mencukupi dan kebergantungan melampau pada hutang.

Dalam kes TH pula, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mendapati penyata 2017 sepatutnya mencatat kerugian bersih kira-kira RM1.4 bilion jika piawaian perakaunan digunakan sepenuhnya, bukannya keuntungan RM3.4 bilion yang dilaporkan.

Kertas Putih FELDA 2019 pula merekodkan konflik kepentingan, kawalan dalaman lemah dan pelaburan tidak menghasilkan pulangan sewajarnya. Antaranya, hutang FELDA meningkat daripada RM1.2 bilion pada 2007 kepada RM14.4 bilion pada 2017.

Projek pembangunan semula Stesen Kuasa Battersea turut menambah dimensi risiko yang Perdana Menteri menyatakan kos awal pelaburan Battersea terlalu tinggi dan telah menghasilkan kerugian, walaupun usaha pemulihan sedang berjalan.

RUU Entiti Milik Kerajaan ini adalah kesinambungan kepada pembaharuan beberapa perundangan terdahulu yang menunjukkan komitmen kerajaan dalam membina pertanggungjawaban terhadap entiti yang mengurus aset awam dan dana amanah masyarakat.

Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850), berkuat kuasa pada 1 Januari 2024, membina disiplin fiskal melalui kewajipan pelaporan, pengurusan risiko dan sasaran jangka sederhana dengan defisit tidak melebihi tiga peratus Keluran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan hutang keseluruhan tidak melebihi 60 peratus KDNK.

Penyelamatan entiti bermasalah

Kerangka ini penting kerana jaminan kerajaan dan penyelamatan entiti bermasalah boleh akhirnya menjadi tanggungan awam.

Akta Audit (Pindaan) 2021 (Akta A1720) pula memperluas kupayaan Ketua Audit Negara untuk meneliti badan yang menerima atau terdedah kepada wang dan jaminan kerajaan, termasuk melalui pendekatan *follow the public money* dan audit susulan.

Penekanan kepada tindakan susulan menjadikan pengauditan bukan sekadar pendedahan kelemahan selepas kerugian, sebaliknya asas pembetulan pengurusan yang boleh dipantau.

Seterusnya, RUU Perolehan Kerajaan 2025 dilulus-

> "Usaha meletakkan tatakelola kerajaan di bawah kerangka perundangan yang lebih menyeluruh berpotensi menjadi antara legasi terpenting pentadbiran Anwar"

kan Parlimen diwartakan sebagai Akta Perolehan Kerajaan 2026 (Akta 882).

Akta ini memperuntukkan kerangka ketelusan perolehan, kewajipan mengisytiharkan kepentingan serta Panel Kajian Semula dan Tribunal Rayuan Perolehan.

RUU Entiti Milik Kerajaan berpotensi melengkapkan rangkaian ini pada peringkat keputusan korporat yang membabitkan aspek pelantikan lembaga, kelulusan pelaburan utama, pengurusan anak syarikat, pendedahan transaksi pihak berkaitan dan pengukuran prestasi.

Keseluruhan pembaharuan perundangan ini memperlihatkan satu perubahan penting dalam pendekatan tadbir urus negara, iaitu daripada kebergantungan kepada integriti, pertimbangan dan budi bicara seseorang pemimpin kepada pembentukan satu sistem yang berasaskan undang-undang, ketelusan, akauntabiliti dan kawalan institusi.

Inilah kepentingan terbesar reformasi ini kerana tadbir urus yang baik tidak seharusnya bergantung kepada siapa yang menjadi Perdana Menteri, siapa yang menerajui kerajaan atau parti mana yang memegang tampuk pemerintahan.

Sebaliknya, prinsip dan mekanisme tadbir urus yang baik perlu diinstitusikan melalui perundangan yang mengikat semua pihak tanpa mengira kedudukan, pengaruh atau kepentingan politik.

Apabila tanggungjawab, batas kuasa, prosedur kewangan dan mekanisme pengawasan diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang, mana-mana Perdana Menteri dan kerajaan selepas ini juga tertakluk kepada kerangka sama selagi peruntukan berkenaan berkuat kuasa.

Dengan demikian, reformasi dilaksanakan bukan sahaja bertujuan menangani kelemahan masa lalu, tetapi turut membina benteng institusi bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa, ketirisan dan penyelewengan pada masa hadapan.

Dari perspektif pembinaan institusi negara, usaha meletakkan tatakelola kerajaan di bawah kerangka perundangan yang lebih menyeluruh berpotensi menjadi antara legasi terpenting pentadbiran Anwar.

Justeru, sekiranya keseluruhan pembaharuan ini dilaksanakan dengan tegas, konsisten dan tanpa pilih kasih, legasi utama Anwar bukan sekadar memperkenalkan undang-undang untuk memperbaiki tadbir urus ketika beliau memerintah, tetapi membina asas perundangan dan institusi yang dapat memastikan negara terus ditadbir dengan lebih baik walaupun selepas beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL | zuljalil@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
NAZARUDIN ABU BAKAR | nazarudin@bh.com.my